

## KEFAHAMAN AYAT AL-QURAN DIKALANGAN PELAJAR TAHFIZ : SATU SOROTAN

**Mohd Hakim Bin Mothar Rijan,**  
**Mahmood Bin Sabtu,**  
**Azmi Bin Budin**  
[hakim@kuim.edu.my](mailto:hakim@kuim.edu.my)

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

### **Article history:**

*Received* : 17 June 2021  
*Accepted* : 10 August 2021  
*Published* : 19 November 2021

### **Abstrak**

Pendidikan Tahfiz al-Quran merupakan aliran pendidikan yang berkembang dan mendapat tempat dalam masyarakat Islam di negara kini. Program pengajiannya banyak ditawarkan di institusi-institusi kerajaan dan swasta. Walaubagaimana pun, kaedah pembelajaran di institusi Tahfiz dilihat banyak menitikberatkan dan tertumpu terhadap hafazan al-Quran semata-mata. Penghayatan dan penguasaan terhadap makna-makna ayat al-Quran kurang diberi perhatian dalam memenuhi tuntutan al-Quran secara holistik. Berdasarkan tinjaun Kajian-kajian yang lepas, pengkaji menemukan kepentingan penguasaan makna-makna ayat al-Quran sebagai elemen penting dalam penghayatan al-Quran. Kajian juga mendapati penguasaan makna-makna ayat al-Quran yang di hafaz oleh pelajar kurang diberi perhatian dikebanyakannya Institusi Tahfiz. Oleh itu, satu kajian terhadap tahap penguasaan makna ayat-ayat al-Quran dikalangan pelajar tahfiz harus dijalankan dan mencari metodologi terbaik dalam menambah baik kaedah pembelajaran mereka. Kajian berharap dapat memberi maklumat penting dalam memperkasa dan menambah baik kaedah pembelajaran di institusi Tahfiz di negara ini.

**Kata kunci:** Pendidikan Tahfiz, Pengusaan Makna Ayat, Kaedah Pembelajaran

## UNDERSTANDING QUR'ANIC VERSES AMONG TAHFIZ STUDENTS: A LITERATURE

### **Abstract**

Education Tahfiz al-Quran is a stream of education that is growing and gaining a place in the Muslim community in our country today. The study programs are widely offered in government and private institutions. However, the learning method by the Tahfiz institution is seen to be very focused on memorizing the Quran alone. Appreciation and mastery of the meanings of the verses of the Qur'an is given less attention in fulfilling the demands of the Qur'an holistically. Based on a review of previous studies, researchers found the importance of mastering the meanings of the verses of the Qur'an as an important element in the appreciation of the Qur'an. The study also found that the mastery of the meanings of the verses of the Qur'an memorized by students is given less attention in most Tahfiz Institutions. Therefore, a study on the of mastery of the meanings of the Qur'an among tahfiz students should be conducted and find the best methodology to improving their learning methods. The study hopes to provide important information to empowering and improving learning methods in Tahfiz institutions in this country.

**Keywords:** Tahfiz Education, Mastery of the Meaning of Verses, Learning Methods

## 1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan Kalam Allah SWT yang maha tinggi dan wahyunya untuk manfaat umat manusia serta ianya terpelihara sejak dari zaman dahulu lagi hingga ke hari kiamat. Al-Quran merupakan kitab sumber ilmu yang sangat luas yang menjadi panduan dalam kehidupan manusia. Memahami kandungan dan makna-makna Al-Quran merupakan satu jalan yang perlu dicapai oleh setiap insan agar perjalanan hidup terbimbing dan mencapai keredhaan Allah SWT. Penjelasan ini telah difirmankan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran sendiri iaitu :

*“ (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu Wahai Muhammad), Kitab Yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”*

Generasi yang mula-mula berjaya memahami Al-Quran dan mengaplikasi tuntutan sebenar Al-Quran dalam kehidupan mereka adala generasi sahabat nabi R.A. Syed Qutub telah menulis dalam kitabnya maa’lim fit-tariq bahawa para sahabat baginda adalah generasi Al-Quran terbaik yang pernah lahir di tengah umat manusia. Beliau memberikan jawapan bahawa generasi Al-Quran hanya akan dapat dilahirkan kembali apabila umat Islam memiliki dan melaksanakan tiga langkah seperti yang dilakukan oleh Nabi dan di kalangan generasi sahabat terdahulu. Langkah-langkah tersebut ialah:

Pertama : Umat Islam perlu mencintai Al-Quran dan menjadikannya sebagai satu-satunya sumber rujukan dalam kehidupan. Ini bermakna, Al-Quran harus ditanam dalam hati dan fikiran, serta menjadi roh dalam setiap nafas kehidupan.

Kedua : Umat Islam hendaklah memiliki ketiahan yang tidak berbelah bagi terhadap perintah-perintah Allah dalam Al-Quran. Al-Quran mestilah dipelajari tidak hanya untuk menjadi bahan kajian dan diperdengarkan bacaan semata-mata, tetapi benar-benar untuk dilaksanakan. Syed Qutub menjelaskan, Al-Quran perlu disatukan dalam jiwa raga umat Islam dan diamalkan dalam kehidupan mereka. Al-Quran tidak sepatutnya hanya tersimpan dalam karya-karya ilmiah semata-mata, tetapi ia mesti difahami dan diamalkan.

Ketiga : Syed Qutub turut menegaskan bahawa umat Islam hendaklah meninggalkan jahiliah moden termasuk cara hidup serta pemikirannya. Oleh itu tuntutan al-Quran perlu dilaksanakan dengan sebaiknya bagi mengelakkan kejahilan tersebut dan meletakkan umat Islam dilandasan yang betul sejajar dengan perkembangan kemajuan dan perubahan zaman.

## LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Pendidikan tahfiz di Malaysia adalah antara aliran pendidikan yang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat. Sambutan yang menggalakkan itu mendorong pihak kerajaan mahupun swasta untuk membangunkan sekolah dan institusi tahfiz di negara ini. Fenomena ini berlaku didorong oleh krisis permasalahan akhlak yang berlaku dalam masyarakat. Syed Qutub telah mengusulkan agar pembentukan generasi al-Quran yang unggul perlu diusahakan bagi menangani masalah dalam masyarakat ketika itu. Generasi al-Quran unggul yang dimaksudkan merujuk kepada generasi yang menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan dalam pelbagai bidang kehidupan serta mengamalkan al-Quran dalam kehidupan seharian.

Ini dapat dilihat dengan keperihatinan kerajaan sendiri dalam menaiktaraf pendidikan Tahfiz di Negara ini dengan melaksanakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. ( DPTN ) yang memberikan ruang yang luas kepada pendidikan tahfiz memasuki aliran perdana pendidikan Negara. Saranan Perdana Menteri yang terdahulu Dato Seri Najib Razak dalam membangunkan sistem pendidikan Tahfiz yang cemerlang dalam petikan kata-kata beliau dalam berita Harian "Selain membangunkan DPTN, kerajaan juga amat komited dalam memastikan semua pentadbiran negara menepati dengan kehendak yang digariskan oleh Islam. Pendidikan al-Quran dan tahfiz al-Quran adalah antara ramuan terpenting dalam konteks memelihara agama, sekali gus menolak tohmahan dan fitnah golongan ekstremis terhadap agama Islam yang suci ini, sama ada fitnah dan ancaman oleh ekstremis radikal maupun ancaman pemikiran oleh kelompok pelampau liberalisme yang semakin galak melebarkan fahaman mereka dalam kalangan masyarakat kita hari ini," ( Berita Harian 20 Mac 2016 )

Sejak dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan huffaz professional, program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) telah mula diperkenalkan pada tahun 2005 oleh kerajaan negeri Terengganu di Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu (Norhazriah, 2012). Manakala di Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) telah dilaksanakan pada tahun 2009 bermula di MRSRM Kota Putra, Besut, Terengganu (Siti Solehah & Umi Kalthom, 2016). Hasil kejayaan di Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu dan MRSRM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah melaksanakan TMUA di sekolah menengah KPM mulai 2014 melalui Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2016), teknik hafazan an-Nur dan sebagainya.

Merujuk kepada modul MRSRM Ulul Albab Kota Putra (2009) bahawa Ulul Albab bermaksud satu golongan yang mempunyai asas yang kukuh dalam al-Quran, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya. 3 Komponen yang ada di dalam Ulul Albab ini ialah Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

1. Quranik merujuk mereka menghafaz 30 juzu' al-Quran serta memahami berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS).
2. Pelajar yang mempunyai ensiklopedik akan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, menjadi tempat rujukan serta menguasai pelbagai bidang ilmu dan bahasa asing.
3. Manakala ijihadik ialah pelajar yang berkeupayaan memberikan memberikan pandangan dalam penyelesaian masalah umat, memaksimumkan keupayaan otak dan minda, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi (Norhazriah, 2012).

Bagi mencapai apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam memperkasa pendidikan Tahfiz, antara elemen penting yang perlu diperkasakan adalah penguasaan pelajar dalam memahami dan mentadabbur al-Quran. Keperluan membaca al-Quran dengan tadabbur merupakan antara adab dalam pembacaan al-Quran menurut Imam Nawawi (al-Nawawi 2015).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Azmil et.al (2013) terhadap 11 buah institusi tahfiz yang melaksanakan kurikulum tahfiz Darul Quran JAKIM mendapati bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar ataupun guru. Guru kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian, matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat atau metode tadabbur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Oleh itu penekanan terhadap penguasaan al-Quran secara holistik amat dituntut terutamanya penguasaan makna-makna dan intisari kandungan ayat al-Quran. Kajian perlu dijalankan bagi dapat menilai tahap penguasaan pelajar tahfiz terhadap makna-makna al-Quran dan mencari kaedah terbaik untuk mengaplikasinya.

## KEPENTINGAN MEMAHAMI AL-QURAN

Menurut Abdul Muhsin (2017) terdapat lima perkara yang menjadi kewajipan terhadap al-Quran iaitu mendengar, tilawah, menghafal, tadabbur dan beramal serta berhukum dengannya. Beramal dengan al-Quran merupakan natijah daripada tadabbur manakala melalui mendengar, tilawah dan menghafal al-Quran adalah jalan kepada tadabbur al-Quran. Tadabbur adalah elemen yang penting dalam pembelajaran al-Quran lebih-lebih lagi dalam konteks menghafal al-Quran. Antara faktor yang menyumbang kepada keperluan tadabbur terhadap pelajar tahfiz adalah<sup>1</sup>:

a) Mendengar al-Quran dengan Konsentrasi Mendengar al-Quran sehingga terkesan di hati adalah tanda tadabbur terhadap al-Quran. Jika dibacakan al Quran, kita dituntut untuk diam dan mendengarnya dengan penuh perhatian. Mendengar dengan teliti dan penuh konsentrasi adalah amalan yang membantu untuk memperkuuhkan hafazan melalui pancaindera pendengaran. Kajian Nor Musliza et.al (2016) menyatakan bahawa gaya pembelajaran pelajar tahfiz adalah berasaskan elemen VARK iaitu visual (penglihatan), audio (pendengaran), reading (pembacaan) dan kinesthetic (pergerakan). Ini menunjukkan bahawa elemen pendengaran adalah salah satu gaya dalam pembelajaran tahfiz. Di samping itu, melalui aktiviti mendengar al-Quran ia mampu meningkatkan konsentrasi terutamanya dalam pembelajaran (Very Julianto et.al 2016). Konsentrasi adalah penting dalam konteks pelajar tahfiz kerana aktiviti menghafal al-Quran memerlukan kepada daya fokus yang tinggi.

b) Menjaga Setiap Huruf al-Quran semasa Tilawah Tilawah adalah elemen dalam tadabbur al-Quran yang membawa pembacanya kepada ketelitian dalam pembacaan al-Quran. Al-Lahim & al-Ruwaisyid (2016) menjelaskan bahawa kunci tadabbur itu ada bacaan yang tartil. Penelitian ketika membaca al-Quran adalah dengan menjaga setiap huruf supaya dibaca dengan tertib dan tajwid yang betul. Tilawah al-Quran diperlukan ketika proses menghafal al-Quran dan ia termasuk dalam aspek berkaitan neurologi yang juga merupakan strategi dalam pembelajaran tahfiz (Intan Zakiah & Munif Zarirrudin, 2016).

Sehubungan dengan itu, penyertaan tadabbur ketika tilawah al-Quran adalah perbuatan yang membantu dalam berhati-berhati ketika mengalunkan bacaan al-Quran. Sekiranya sebutan dalam bacaan al-Quran tidak dilafazkan dengan tepat, disitu sudah menunjukkan bahawa tadabbur tidak berlaku kerana salah sebutan menyebabkan kesalahan pada makna serta tiada berlaku penelitian dalam pembacaan. Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu pembaca untuk sentiasa ingat dan sedar supaya menjaga setiap sebutan daripada huruf al-quran.

c) Memahami Ayat yang dibaca dan dihafal Hakikat tadabbur berlaku semasa proses faham terhadap ayat-ayat al-Quran (Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff, 2012). Kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafal dan mengukuuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafal semasa amalan takrar (Azmil Hashim et.al 2014). Oleh itu, usaha tadabbur al-Quran membantu pelajar tahfiz terutama dalam proses memahami ayat al-Quran.

---

<sup>1</sup> <http://spaj.ukm.my/jalturath> Jurnal al-Turath Vol. 3, No. 2; 2018 18

d) Menghayati dan Merasa Khusyuk dalam Pembacaan Kesan daripada tadabbur al-Quran adalah menimbulkan penghayatan dan kekhusukan dalam pembacaan alQuran. Menurut Nurul Zakirah & Zulkifli Mohd Yusoff (2012) membaca dengan penuh penghayatan hati berada dalam tahap awal dalam proses tadabbur dan ia berlaku ketika seseorang membaca dengan hati atau ketika meneliti penulisan ayat pada mushaf al-Quran. Keadaan ini selari dengan kaedah pembelajaran tahfiz yang memerlukan penambahbaikan khususnya dalam kaedah tadarus hafazan untuk pengukuhan kesahihan bacaan (Azmil Hashim et.al 2014). Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu pelajar tahfiz dalam mengukuhkan hafazan mereka.

e) Beramal dengan Wahyu. Rohana Zakaria (2015) menyatakan bahawa beramal dengan isi kandungan al-Quran berserta perintah daripada Allah SWT merupakan salah satu objektif utama al-Quran diturunkan. Beramal dengan al-Quran juga adalah natijah tadabbur al-Quran iaitu satu proses yang menyedarkan untuk menterjemahkan ayat-ayat yang dibaca dan dihafal dalam kehidupan. Faktor yang menyumbang kepada perkembangan institusi tahfiz juga adalah untuk melahirkan huffaz profesional yang mempraktikkan segala yang dipelajari dan menyumbang bakti dalam kalangan masyarakat (Zulkifli Mohd Yusoff et.al 2018). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa elemen tadabbur al-Quran adalah praktikal yang signifikan dalam rangka meningkatkan kualiti dan mutu pelajar tahfiz untuk menyumbang tenaga dan bakti terhadap masyarakat yang memerlukan bimbingan terutama ilmu al-Quran.

## **KELEBIHAN MEMAHAMI AL-QURAN**

Memahami al-Quran mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam proses berinteraksi dengan al-Quran. Antara kelebihan memahami al-Quran terhadap pelajar tahfiz adalah:

a) Meningkatkan Kualiti Hafazan.

Institusi tahfiz kini berkembang seiring dengan penambahbaikan dalam proses pembelajaran tahfiz. Terdapat banyak pusat tahfiz yang menawarkan pembelajaran bukan sekadar menghafal al-Quran sahaja malah disertakan dengan pembelajaran yang lain. Kualiti hafazan pelajar merupakan perkara yang memerlukan perhatian pelbagai pihak untuk melahirkan generasi al-Quran yang akan menjadi tonggak utama negara di masa hadapan (Khairul Anuar 2018). Amalan tadabbur adalah inisiatif kendiri yang boleh dipraktikkan oleh pelajar ketika menghafal al-Quran dan ia mampu membantu dalam meningkatkan kualiti hafazan terutama dalam aspek pemahaman dan praktikal terhadap ayat al-Quran.

b) Memberikan Daya Fokus yang Lebih Tinggi.

Apabila seseorang membaca al-Quran secara bertadabbur, hatinya akan menjadi tenang dan perasaan khusyuk dapat dirasainya (Rohana Zakaria et.al 2018). Hati yang lapang dan khusyuk melambangkan penumpuan hati dan fikiran terhadap sesuatu perkara. Dalam proses pembelajaran tahfiz, talaqqi, iadah, pengujian mingguan, penulisan ayat dan pemahaman ayat merupakan kaedah yang kurang dipraktikkan (Mohd Jamalil et.al, 2017). Proses-proses tersebut memerlukan kepada daya fokus yang tinggi supaya <http://spaj.ukm.my/jalturath> Jurnal al-Turath Vol. 3, No. 2; 2018 20 perkara tersebut dapat dipraktikkan dengan baik. Maka dengan itu, elemen tadabbur adalah elemen yang boleh membantu pelajar tahfiz dalam menumpukan perhatian mereka terhadap proses pembelajaran tahfiz yang lebih efisien.

c) Meningkatkan Kefahaman terhadap Makna Ayat.

Pembelajaran al-Quran yang tidak disertai dengan kefahaman makna adalah satu kerugian walaupun hanya dengan menghafal sahaja kerana hafazan yang disertai kefahaman ayat yang dihafal mampu mengekalkan ingatan terhadap ayat hafazan dalam tempoh masa yang lama (Nor Musliza et.al 2016). Oleh yang demikian, wasilah tadabbur adalah perkara yang signifikan untuk diaplikasikan sekali bersama proses menghafal ayat al-Quran.

d) Meningkatkan Spiritual Yang Positif.

Tadabbur al-Quran memberikan kesan yang baik terhadap jiwa manusia. Karakteristik pelajar tahfiz melalui sudut kesediaan spiritual merupakan sebahagian daripada asas penting dalam pencapaian hafazan al-Quran (Intan Zakiah & Munif Zarirudin, 2016). Oleh itu, tadabbur al-Quran membantu dalam peningkatan pencapaian tahfiz menerusi aspek kesediaan spiritual.

e) Persediaan Menghadapi Realiti Kehidupan.

Perkara utama yang perlu diketengahkan dalam isu tahfiz adalah kualiti para huffaz (Nordin Ahmad, 2018) iaitu para huffaz perlu berdepan dengan persepsi masyarakat yang memandang tinggi golongan penghafal al-Quran untuk pelbagai aspek kemahiran dalam bidang al-Quran. Realiti persepsi masyarakat terhadap golongan penghafal al-Quran adalah tinggi kerana mereka adalah generasi harapan untuk mengemudi negara di masa hadapan kelak. Peringkat tertinggi dalam amalan tadabbur adalah beramal dengan saranan al-Quran. Para huffaz yang mempunyai tadabbur yang tinggi terhadap al-Quran mampu menzhahirkan peranan mereka daripada sudut amalan dalam konteks kehidupan sehari-hari mahupun dalam kalangan masyarakat. Inilah realiti yang perlu ditempuh oleh seorang yang bergelar huffaz al-Quran.

Bagi mencapai hasrat tersebut, umat Islam perlulah menyelami dan mentadabbur al-Quran melalui belajar membaca, menghafaz, memahami serta mengamalkannya. Sebahagian besar umat Islam termasuk di Malaysia mempunyai kefahaman yang keliru terhadap pembelajaran al-Quran kerana cukup sekadar mengenal huruf dan boleh membacanya sahaja. Kefahaman terhadap isi kandungan al-Quran tidak menjadi keutamaan apabila dengan beranggapan sudah selesai dengan membacanya sehingga tamat. Tidak kurang juga hanya menganggap al-Quran hanya sekadar “kitab berkat” dan juga tujuan mendapatkan pahala semata-mata dengan mengabaikan penghayatan dan pemahaman isi kandungan sebenar yang sepatutnya menjadi rujukan, ikutan dan panduan dalam kehidupan. Oleh yang demikian umat Islam tidak dapat menghubungkaitkan kehidupan harian mereka dengan panduan al-Quran kecuali dalam urusan tradisi yang dikaitkan dengan Islam seperti urusan perkahwinan serta pengurusan jenazah. Hasilnya lahirlah anggota masyarakat yang berbangga kerana pernah belajar membaca dan menghafaz al-Quran sedangkan dalam kehidupan harian sama ada percakapan, tindakan dan akhlaknya bertentangan dengan ajaran al-Quran (Mohd Yusuf 2000).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian peringkat awal ini dijalankan berbentuk kualitatif dengan menganalisis data-data secara ringkas. Data-data diperolehi daripada al-Quran, kitab-kitab para ulama' dan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan.

## TINJAUAN LITERATUR

Kajian pertama adalah bertajuk “Keutamaan Amalan Tadabbur al-Quran terhadap Pelajar Tahfiz” dijalankan oleh Maisarah Thulhuda binti Mat Jafri , Mohd Faizulamri bin Mohd

Saad<sup>2</sup> & Sabri bin Mohamad<sup>3</sup>. Kajian ini menumpukan kepada Tadabbur al-Quran yang merupakan proses interaksi terhadap al-Quran yang bersifat universal. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keutamaan amalan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar tafhiz. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen secara deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara amalan tadabbur dengan hafazan al-Quran khususnya dalam bab kefahaman makna ayat. Secara keseluruhannya, tadabbur al-Quran mampu memberikan impak yang positif kepada pelajar tafhiz daripada sudut pemahaman, penghayatan serta pengamalan terhadap ayat-ayat al-Quran.

Kajian Kedua bertajuk “Tadabbur al-Quran : Analisa Terhadap Persepsi Pelajar Di Maahad Tahfiz Selangor” dilaksanakan oleh Mardhiah Yahaya, Rohana binti Zakaria, Noorhafizah binti Mohd Haridi, Shaharuddin Pangilun (KUIS) dan Hayati Husin (USIM)<sup>3</sup> Kajian ini menganalisa persepsi pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor berkaitan tadabbur al-Quran. Dapatkan kajian mendapati pelajar sedar akan kepentingan mentadabbur al-Quran. Di samping itu pelajar juga berusaha untuk terus menghayati dan berusaha untuk memahami ayat al-Quran. Maka jelas membuktikan kesan dari mentadabbur al-Quran ini mampu menaikkan motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran dan menuntut ilmu. Seterusnya dapat merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan tafhiz demi melahirkan huffaz yang cemerlang.

Kajian Ketiga adalah “Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat al-Quran Berbantuan al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz al-Quran.”<sup>4</sup> Kajian dijalankan oleh Abdul Jalal Abd Manaf, Shamsul Bahari Dahalan dan Dr Mohamad Marzuki Abdul Rahim. Kajian menilai keberkesanan kaedah kefahaman makna ayat al-Quran berbantuan al-Quran terjemahan makna ayat al-Quran dan mengenalpasti hubungan antara kefahaman makna ayat dengan tahap pengekalan hafazan pelajar. Kajian menggunakan empat instrument kajian iaitu Ujian Hafazan, Ujian Kefahaman Makna, pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur.

Kajian keempat adalah “Analisis Kaedah hafazan al-Quran dengan memahami makna dalam Institusi Pengajian Tahfiz di Alor Setar Kedah.” Kajian dijalankan oleh Dr Mohamad Shahrin Bin Baharudin dan Mohd Nizam Sahad, Kajian ini menganalisis salah satu kaedah menghafaz Al-Quran dengan cara memahami makna dalam institusi pengajian Tahfiz di Alor Setar, Kedah. Kajian ini bertujuan untuk mengenai pasti sejauh mana kaedah hafazan dengan memahami makna digunakan dalam institusi pengajian tafhiz di Alor Setar. Metode kuantitatif digunakan dengan mengedarkan borang kajian soal selidik kepada 300 orang pelajar tafhiz. Pengkaji menggunakan Teknik Pensampelan Rawak Berstrata bagi memilih pelajar tafhiz secara rawak daripada 8 institusi pengajian tafhiz.

Hasil kajian mendapati, terdapat 4 sistem pengajian Tahfiz al-Quran di Alor Setar iaitu sistem tafhiz ala India dan Pakistan, sistem tafhiz ala Al-Azhar, sistem tafhiz Integrasi Sains dan sistem tafhiz Turki. Hasil kajian juga mendapati keempat-empat sistem daripada institusi pengajian tersebut menunjukkan min sederhana dan peratus rendah bagi kaedah hafazan dengan memahami makna. Nilai min sederhana ini menunjukkan pelajar tafhiz masih mempunyai kelemahan untuk memahami al-Quran. Oleh itu, pelajar tafhiz perlu

<sup>2</sup>1maisaratulhuda@gmail.com, 2 faizam@ukm.edu.my & sabri\_m@ukm.edu.my<sup>3</sup> 1Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM 2&3Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>3</sup>Conference: 5th International Seminar On Islamiyat Studies 2019 Hotel Tenera, Bangi

<sup>4</sup>Jurnal Darul Quran Bil 19. 2015 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ( JAKIM )

menggunakan kaedah hafazan dengan menggunakan kurikulum tafsir untuk mencapai objektif pengajian Al- Quran.

Kajian Kelima adalah “Kepentingan Skemata Arab Terhadap Kefahaman al-Quran dan Pencapaian Hafazan” dijalankan oleh Zahriah Husin, Nik Farhan Mustapha, Rabiyah Toklubok@Hj Maming, Majdan Alias dan Muhd Zulkifli Ismail.<sup>5</sup> Kajian bertujuan meneroka kepentingan skemata Arab Dalam Meramal pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran. Kajian dijalankan berbentuk kuantitatif dengan menyelidik pengaruh skemata bahasa Arab terhadap pencapaian hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz yang mempunyai latarbelakang bahasa Arab. Dapatkan Kajian menunjukkan bahawa skemata bahasa Arab mempunyai kesan langsung dan tidak langsung terhadap pencapaian hafazan melalui kefahaman al-Quran.

Kajian Keenam adalah “Hubungan Antara Teknik Menghafaz, Penggunaan Bahasa Arab Dan Pemahaman Al-Quran” dijalankan oleh Muhammad Ikhwanuddin, Che Noraini Hashim.<sup>6</sup> Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah yang paling biasa digunakan oleh responden dalam menghafal al-Quran, untuk menganalisis perbezaan skor peperiksaan penghafaz al-Quran berdasarkan jantina dan mengkaji hubungan antara skor responden untuk menghafaz Tafsir dan al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa empat teknik menghafal iaitu Wahdah, Kitabah, Sima'i, dan Jama diterapkan oleh responden, kaedah yang paling biasa adalah kaedah Wahdah. Kajian ini mendapati perbezaan yang signifikan dalam skor peperiksaan untuk menghafal al-Quran antara responden lelaki dan wanita. Ia juga mendapati bahawa hubungan antara skor responden untuk Tafsir dan skor untuk menghafal al-Quran adalah signifikan secara statistik. Kajian ini menyimpulkan bahawa dengan mempelajari Tafsir, Huffaz dapat meningkatkan pemahaman Al-Quran yang seharusnya menjadi tujuan utama dalam menghafal teks tersebut. Huffaz seharusnya tidak hanya berharap memperoleh penghargaan ketika membaca Al-Quran tetapi juga dapat menerapkan ajaran dari wahyu dalam kehidupan sehari-hari.

Memahami ayat yang telah dihafaz amat penting kepada para penghafaz al-Quran. Menurut Yusof al-Qardawi (2006), beliau berpendapat ramai dalam kalangan pendidik Islam masa kini sangat mengambil berat terhadap hafazan al-Quran. Mereka mementingkan pendidikan hafazan al-Quran kepada anak-anak sejak usia kecil, akan tetapi tidak mengambil berat terhadap kefahaman al-Quran. Tujuan al-Quran ialah untuk difahami dan diamalkan.<sup>7</sup> Selain itu, Muhammad al-Ghazali juga tidak bersetuju jika pendidikan hafazan al-Quran hanya mementingkan hafazan semata-mata tanpa mengambil kira kefahaman dan kandungan al-Quran. Beliau juga berpendapat pendidikan hafazan al-Quran perlu digabungkan dengan pemahaman makna dan penghayatan terhadap isi kandungannya.”<sup>8</sup>

## ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan analisis literatur yang dibuat secara kasar, terdapat kelemahan dari sudut kefahaman ayat al-Quran dikalangan pelajar tahfiz dan wujudnya kepentingan untuk mengkaji secara terperinci beberapa perkara bagi menambahbaik kualiti pelajar tahfiz agar lebih mempunyai nilai tambah dalam diri dan persediaan dalam menghadapi masyarakat iaitu :

<sup>5</sup> Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18, no. 1 ( January ) 2021 pp : 265-287

<sup>6</sup> Muhammad Ikhwanuddin, Che Noraini Hashim, Relationship between Memorization Tech-nique, Mastery of the Arabic Language and Understanding of the Qur'an. IIUM Journal Of Education Studies 2 : 2 ( 2014 ) 84-97

<sup>7</sup> Yusuf al-Qardawi (2006), *Kaifa Hataamul Ma'a al-Qurnu al-Azhim*, Dar al-Syuruq: al-Qaherah Mesir. Hlm 132

<sup>8</sup> Al-Ghazali Muhammad(1996), *Bagaimana Berinteraksi dengan al-Quran*, Terj. W uhammad Rivai Batubara, Selangor: Budaya Ilmu. Hlm 14

1) Tahap Kefahaman Terhadap Isi Kandungan al-Quran.

Kajian perlu dijalankan terhadap pemahaman ayat al-Quran dengan menumpukan penguasaan kefahaman al-Quran terhadap para pelajar. Selain itu, aspek penerapan nilai dan elemen tadabbur berteraskan al-Quran juga kurang dititikberatkan dalam kurikulum tahfiz al-Quran sebagaimana kajian Azmil (2010) yang mendapati kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan asbab nuzul dan menghuraikan kefahaman ayat amat kurang diberi perhatian oleh pensyarah. Kenyataan ini disokong oleh Abu al-Wafa (1999) bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui asbab nuzul akan membantu pelajar dalam menghafaz dan meyakinkan ingatan. Dalam erti kata lain, kurikulum tahfiz yang dilaksanakan lebih menfokuskan kepada kelancaran bacaan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca.

2) Mengenalpasti Metod terjemahan al-Quran yang sesuai diaplikasikan dalam silibus pembelajaran tahfiz.

Kajian juga harus dilaksanakan bagi meninjau dan mengenalpasti metod atau bentuk-bentuk terjemahan al-Quran yang sesuai untuk ditambah dalam silibus pembelajaran tahfiz al-Quran bagi memastikan pelajar menguasai makna-makna ayat-ayat yang dihafaz. Ia akan memberi impak tadabbur dan penghayatan yang lebih tinggi disamping membaca dan menghafaznya sahaja. Kajian perlu mengenalpasti samada telah wujud metod atau kaedah penggunaan makna ayat al-Quran di pusat-pusat pengajian dan menilai metod terbaik untuk diserapkan sebagai silibus pembelajaran bagi pelajar-pelajar tahfiz.

## KESIMPULAN

Golongan penghafaz al-Quran adalah aset negara dan umat Islam yang mana mereka sering berdamping dengan al-Quran secara melazimi membaca dan mengahafaznya. Proses penjagaan hafazan al-Quran dilaksanakan sepanjang hayat demi menjaga ketulenan al-Quran dan keasliannya yang merupakan wahyu dan mukjizat terbesar nabi Muhammad S.A.W kepada seluruh umat. Antara perkara yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan tuntutan al-Quran adalah dari segi aspek kefahaman dan penguasaan makna terhadap ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Penerapan elemen kefahaman al-Quran dalam proses pembelajaran tahfiz dilihat memberikan kesan positif terhadap pelajar tahfiz. Oleh itu, kajian perlu dijalankan untuk melihat sejauhmana capaian pelajar tahfiz dalam memahami makna ayat-ayat al-Quran yang dihafaz dan menambah baik kaedah pembelajaran tahfiz dengan mencadangkan elemen pemahaman ayat al-Quran dalam silibus pembelajaran.

## RUJUKAN

Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah, Nor 'Azzah, Nor Aini, Norhayati dan Naeimah Ramlan. 2018. Trend Masyarakat Terhadap Pendidikan Tahfiz. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia. Centre of Quranic Research(CQR) University Malaya.

Khairul Anuar. 2018. Majlis syuyukh dalam memperakukan tahap profesionalisme hafiz al-Quran. Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia. Centre of Quranic Research(CQR) University Malaya.

Rohana Zakaria, Fatin Nazmin dan Khairul Anuar. 2018. Tadabbur Al-Quran : Implikasinya Dalam Meningkatkan Spiritual Pembaca Al-Quran.  
<http://journal.kuis.edu.my/qiraat/wpcontent/uploads/2018/05/jurnal-57-71.pdf>

Mohd Jamalil, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina & Nor Hafizi. 2017. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari.

Fazrul Ismail dan Ariff Jauhar. 2017. Nikmatnya Tadabbur Tazakkur. Selangor: Abideen Publishing.

Abdul Muhsin. 2017. Mabadi' Tadabbur al-Quran al-Karim. Riyadh:Al-Dairi al-Syarqi

Al-Lahim & Ar-Ruwaisyid. 2016. Panduan Tadabbur al-Quran. Solo:Kiswah Media  
Very Julianto

Sayyid Qutb. Petunjuk Sepanjang Jalan. Kuala Lumpur Crescent News Sdn. Bhd.1994 Cetakan Kelapan.

Rizki Putri Dzulqaida dan Siti Nurina Salsabila. 2016. Pengaruh Mendengarkan Murattal Al-Quran Terhadap Peningkatan Kemampuan Konsentrasi. Research Gate.  
<http://spaj.ukm.my/jalturath> Jurnal al-Turath Vol. 3, No. 2; 2018 21

Intan Zakiah & Munif Zarirrudin. 2016. Memahami Kepentingan Karakteristik Pelajar Tahfiz Terhadap Pencapaian Subjek Hifz al-Quran. Journal Hadhari. Penerbit UKM.

Nor Musliza, Mokmin Basri dan Sedek Ariffin. 2016. Gaya Pembelajaran Pelajar dalam Proses Hafazan dan Kefahaman Makna al-Quran:Satu Tinjauan.

Al-Nawawi. terj. Hakim Rosly. 2015. Adab Berdamping dengan al-Quran. Kuala Lumpur. PTS Publishing House.

Rohana Zakaria, Hayati Hussin dan Adzam Rasdi 2015. Tadabbur al-Quran: Syarat Utama yang Diperlukan Untuk Mencapai Objektif al-Quran. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.

Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. Journal of al-Quran and Tarbiyyah.

Nurul Zakirah. 2014. Definisi Qawa'id al-Tadabbur:Satu Analisis Perbandingan dengan Qawa'id Tadabbur. International Journal of Quranic Research.

Abas Asyafah. 2014. Konsep Tadabur al-Quran. Cet. 2. Bandung. CV Maulana Media Grafika.  
Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri. 2012. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. Journal of Islamic and Arabic Education.

Nurul Zakirah Mat Sin dan Zulkifli Mohd Yusoff. 2012. Konsep tadabbur:Suatu Kupasan. International Seminar on al-Quran in Contemporary Society.